

Product Disclosure Sheet



Dear Customer,

This Product Disclosure Sheet (PDS) is designed to provide you with some key information about your Fire Takaful.

Other customers have read this PDS and found it helpful; **you should read it too.**

Date: 01 Nov 2025

1 What is Fire Takaful?

Fire Takaful provides you with coverage for loss or damage to your property covered (building, plant and machinery, stock-in-trade, furniture, fixtures and fittings and all other contents related to the participant's business) as described in the certificate schedule as a result of fire or lightning or domestic explosion.

Applicable Shariah Concepts are as follows:

Takaful: Mutual assistance among the Participants to contribute to General Takaful Fund (GTF) providing Takaful benefit payable to the Participants or beneficiaries on the occurrence of pre-agreed events.

Wakalah: Appointment of representative to manage the transaction on another person's behalf. In the Takaful contract, We will manage Your Takaful Certificate and charge You an upfront Wakalah fee.

Takarru: A sum amount of money being contributed by You to GTF based on the donation contract.

Qard: An interest-free loan provided by Us in the event of deficit in the GTF. The loan will be repaid when the GTF returns to its surplus position.

Hibah: A gift contract that is applicable through surplus sharing from the GTF to the eligible Participants.

Ju'alah: Reward given to Us based on the performance of the GTF, where the 50% of the net surplus (if any) will be shared with Us after the end of each financial year.

2 Know Your Coverage

Example: Sum Covered for building RM500,000 (business as general merchandise is under trade code 1102 C1A – Basic contribution rate 0.195%)

As an illustration, for RM975.00 [annually], you will receive the following Fire Takaful coverage:

This certificate covers:	This certificate excludes:
Loss or damage to your covered property covered i.e building and contents, caused by fire, lightning, or explosion of domestic boilers and gas used for domestic purposes only, during the period of takaful.	a) Earthquake, volcanic eruption and other convulsion of nature b) Typhoon, hurricane, tornado, cyclone or other atmospheric disturbance c) Subterranean Fire d) Burning of property by order of any public authority e) Explosion other than domestic explosion f) Bush/lalang fire g) Theft h) Spontaneous combustion i) War, civil war and any act of terrorism j) Nuclear and radioactivity risks k) Property damage to data or software l) Cyber liability m) Communicable Disease n) Sanction Exclusion
Please refer to the certificate wordings for the full details of coverage.	Note: This list is non-exhaustive . Please refer to the certificate wording and certificate schedule for the full list of exclusions under this certificate.

By making an **additional** contribution, you can expand the coverage to include:

a) aircraft damage b) earthquake and volcanic eruption c) storm, tempest d) flood e) explosion f) impact damage	g) bursting or overflowing of water tanks apparatus or pipes h) bush / lalang fire i) electrical installations for manufacturing risks and workshops to cover electrical machinery, plant or installations j) subsidence and landslip k) spontaneous combustion l) riot strike and malicious damage	m) damage by falling trees or branches and objects n) cold storage / incubator o) smoke damage p) goods and stocks undergoing any heating or drying process q) sprinkler leakage
--	--	--

The duration of coverage is one (1) year. You need to renew your takaful certificate annually.

If you have any questions or require assistance regarding your Fire Takaful, you can:



Call us at
1-300-888-622



Email us at
CallCentre@zurich.com.my



Visit us at
<https://www.zurich.com.my/takaful-products/business/for-my-assets/property/fire-takaful>

3 Know Your Obligations

For this takaful, you have to make a contribution of:	
Standard Cover	RM975.00 (annually) – as per illustration above
Additional Cover	RM430.00 (annually) <i>Example the additional contribution rate for Flood cover is 0.086% for Sum Covered of building RM500,000</i>
Total Contribution <i>*Minimum contribution: RM60.00 for dwelling & RM75.00 for non-dwelling</i>	RM1,405.00 (annually)
You also have to make the following fees and charges:	
Stamp duty	RM10.00
Wakalah Fees	35.5% of contribution or RM498.78 • Commission – 15% of contribution or RM210.75 • Management Expenses – 20.5% of contribution or RM288.03
Other applicable charges (Tax*) <i>*All contributions and fees shown in this document may be subject to tax or other government levies.</i>	• 8% of contribution or RM112.40 • Tabarru' charges – the remaining balance of contribution after deducting Wakalah Fee will be allocated to GTF as Tabarru'.

4 Other Key Terms

- Duty of disclosure: You must disclose all material facts which is known or ought to know, that would affect our underwriting consideration of your proposal, such as your takaful and loss history.
- You must have a permissible takaful interest in the property you have covered with us. This means that if the property is lost or damaged, you would experience a financial loss.
- You must ensure that your property is adequately covered for the appropriate amount, taking into account any renovations. The sum covered must be monitored and reviewed regularly represent the full cost of rebuilding or the full value of property. This helps avoid under-covered otherwise, claims settlements will be on an Average Basis. You may use the Building Cost Calculator <https://bcc.piam.org.my/>, jointly developed by Persatuan Takaful Malaysia (MTA) and the Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM). Please note that this calculator provides only an estimate for evaluation purposes only and does not guarantee the actual amount that we may agree to cover.
Covered Value / Sum Covered
Building sum covered = market value or reinstatement value Contents sum covered
New items = purchase price
Other items = market value which shall mean the value of the property covered less due allowances for wear and tear and/or depreciation
Average Basis Clause
If, at the time of loss, the property covered is valued higher than the sum covered, you shall have to bear a proportionate share of the loss.
- Excess: It is the amount of loss you have to bear while takaful operator will pay for the balance of the loss or damage claim.
- Period of Coverage – Not exceeding 12 months unless to coincide with the expiry of other certificates effected by you. You need to renew your takaful certificate annually.
- Contribution:
 - The contribution due must be paid to Zurich General Takaful Malaysia Berhad within 60 days from the inception date of the certificate, failing which the contract is automatically cancelled.
 - Contribution can be made by debit/credit card, online payment, cash or cheques (cheques should be made payable only to Zurich General Takaful Malaysia Berhad).
- Claim Procedure: For details, please refer to this link <https://www.zurich.com.my/customer-hub/my-claims>.
- It is important that you inform us of any changes to your contact details to ensure timely correspondence. You can inform us via email (CallCentre@zurich.com.my), customer portal (<https://myzurichlife.com.my/>) or call us at 1-300-888-622.
- Importance of receipt keeping and Other Key Terms & Conditions: Please refer to this link <https://zurich.com.my/en/services/corporate/key-terms-and-conditions>.
- Treatment of Small Amount: Small amount shall mean any amount below Ringgit Malaysia Ten (RM10) arises from contribution excess, cancellation, surplus distribution or claims that are to be made other than by way of electronic payment. The small amount shall be channeled to charity. However, if you decide otherwise, you are required to submit a formal request to us. We may review the applicability of the above stated small amount and any change to the amount will be subjected to our Shariah Committee approval.

Note: This list is **non-exhaustive**. You should refer to the certificate wording for the full list of terms and conditions.

Can I cancel my certificate?

- Yes. You may cancel your certificate by giving written notice to the takaful operator. Upon cancellation, you are entitled to a return of the contribution based on short period on the unexpired period of takaful subject to the minimum contribution to be retained by the takaful operator. No return of contribution will be allowed if there is a claim under the certificate.

Zurich General Takaful Malaysia Berhad is licensed under the Islamic Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia.

The benefit(s) payable under eligible product is protected by PIDM up to limits. Please refer to PIDM's TIPS Brochure or contact Zurich General Takaful Malaysia Berhad or PIDM (visit www.pidm.gov.my).

Zurich General Takaful Malaysia Berhad

Registration No. 201701045981 (1260157-U)
Level 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 03-2109 6000 Fax: 03-2109 6888 Call Centre: 1-300-888-622
www.zurich.com.my



Pelanggan Yang Dihargai,

Lembaran Pendedahan Produk (LPP) ini disediakan untuk memberikan anda beberapa maklumat penting tentang Takaful Kebakaran anda.

Pelanggan lain telah membaca LPP ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda harus membacanya juga.**

Tarikh: 01 Nov 2025

1 Apakah Takaful Kebakaran?

Takaful Kebakaran memberikan perlindungan bagi kerugian atau kerosakan pada harta benda anda yang dilindungi (bangunan, loji dan mesin, stok dagangan, perabot, lekapan dan kelengkapan dan semua kandungan lain yang berkaitan dengan perniagaan peserta) yang dinyatakan dalam jadual sijil akibat kebakaran atau kilat atau letupan domestik.

Konsep Syariah Yang Digunakan adalah seperti berikut:

Takaful: Konsep saling membantu antara Peserta-Peserta untuk memberi caruman kepada Dana Takaful Am (DTA) bagi manfaat Takaful yang akan dibayar kepada Peserta-Peserta atau waris-waris mereka apabila berlakunya peristiwa yang telah dipersetujui.

Wakalah: Pelantikan wakil bagi menguruskan transaksi bagi pihak orang lain. Dalam kontrak Takaful ini, ia bermakna Kami akan menguruskan Sijil Takaful Anda dengan mengenakan Yuran Wakalah pendahuluan kepada Anda.

Tabarru': Jumlah wang yang dicarumkan oleh Anda ke dalam DTA berdasarkan kontrak sumbangan.

Qard: Pinjaman tanpa faedah yang disediakan oleh Kami jika berlakunya defisit terhadap DTA. Pinjaman tersebut akan dibayar semula apabila DTA Kembali kepada posisi lebihan.

Hibah: Kontrak hadiah yang diguna pakai dalam pengagihan lebihan daripada DTA kepada Peserta yang layak.

Ju'alah: Ganjaran diberikan kepada Kami berdasarkan prestasi DTA, di mana 50% daripada lebihan bersih (jika ada) akan dikongsi dengan Kami pada akhir setiap tahun kewangan.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Contoh: Jumlah Dilindungi bagi bangunan ialah RM500,000 (perniagaan sebagai barangan niaga am di bawah kod perdagangan 1102 C1A – Kadar caruman asas 0.195%)

Sebagai ilustrasi, untuk RM975.00 [tahunan], anda akan menerima perlindungan Takaful Kebakaran seperti berikut:

Sijil ini melindungi:	Sijil ini mengecualikan:
Kerugian atau kerosakan pada harta benda anda yang dilindungi seperti bangunan dan kandungan akibat kebakaran, kilat atau letupan dandang domestik dan gas yang digunakan untuk tujuan domestik sahaja sepanjang tempoh takaful.	a) Gempa bumi, letupan gunung berapi dan lain-lain bencana alam b) Taufan, hurikan, puting beliung, siklon atau gangguan atmosfera lain c) Kebakaran Bawah Tanah d) Pembakaran harta benda atas perintah pihak berkuasa e) Letupan selain daripada letupan domestik f) Kebakaran belukar/lalang g) Kecurian h) Pembakaran spontan i) Peperangan, perang saudara dan sebarang tindakan keganasan j) Risiko nuklear dan radioaktif k) Kerosakan harta terhadap data atau perisian l) Liabiliti siber m) Penyakit Berjangkit n) Pengecualian Sekatan
Sila rujuk kepada kontrak sijil untuk butiran perlindungan.	Nota: Senarai ini tidak lengkap . Sila rujuk kontrak sijil dan jadual sijil untuk senarai penuh pengecualian di bawah sijil ini.

Dengan membuat caruman **tambahan**, anda boleh menambah perlindungan untuk memasukkan:

a) kerosakan pesawat b) gempa bumi dan letupan gunung berapi c) ribut, ribut kencang d) banjir e) letupan f) kerosakan rempuhan	g) kepecahan atau limpahan tangki air, perkakas atau paip dalam rumah h) kebakaran belukar / lalang i) pemasangan elektrik bagi risiko pengilangan dan bengkel yang meliputi mesin, loji atau pemasangan elektrik j) penenggelaman dan tanah runtuh k) pembakaran spontan l) rusuhan, mogok dan kerosakan berniat jahat	m) kerosakan akibat pokok atau dahan atau objek yang tumbang n) simpanan dingin / inkubator o) kerosakan asap p) barangan dan stok yang menjalani proses pemanasan atau pengeringan q) kebocoran pemercik
--	--	---

Tempoh perlindungan adalah satu (1) tahun. Anda hendaklah memperbaharui sijil takaful anda pada setiap tahun.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan berhubung Takaful Kebakaran, anda boleh:



Hubungi kami di talian
1-300-888-622



E-mel kami melalui
CallCentre@zurich.com.my



Layari laman web kami
<https://www.zurich.com.my/takaful-products/business/for-my-assets/property/fire-takaful>

3 Ketahui Kewajipan Anda

Bagi takaful ini, anda perlu membuat caruman sejumlah:	
Perlindungan Asas	RM975.00 (tahunan) – seperti ilustrasi di atas
Perlindungan Tambahan	RM430.00 (tahunan) <i>Sebagai contoh kadar caruman tambahan untuk perlindungan Banjir ialah 0.086% bagi Jumlah Dilindungi untuk bangunan RM500,000</i>
Jumlah Caruman <i>*Caruman minimum: RM60.00 bagi kediaman & RM75.00 bagi bukan kediaman</i>	RM1,405.00 (tahunan)
Anda juga perlu membuat yuran dan caj seperti berikut:	
Duti Setem	RM10.00
Yuran Wakalah	35.5% daripada caruman atau RM498.78 - Komisen – 15% daripada caruman atau RM210.75 - Perbelanjaan Pengurusan – 20.5% daripada caruman atau RM288.03
Caj lain yang dikenakan (Cukai*) <i>*Semua caruman dan yuran yang tertera dalam dokumen ini mungkin tertakluk pada cukai atau levi kerajaan yang lain.</i>	8% daripada caruman RM112.40 - Caj Tabarru' – baki caruman selepas ditolak Yuran Wakalah akan diperuntukkan kepada DTA sebagai Tabarru'.

4 Terma-Terma Penting Yang Lain

- Kewajipan pendedahan: Anda mesti mendedahkan semua fakta penting yang diketahui atau patut diketahui, yang boleh mempengaruhi pertimbangan pengunderaitan kami terhadap cadangan anda, termasuklah sejarah takaful dan kerugian anda.
- Anda mesti mempunyai kepentingan takaful yang dibenarkan terhadap harta benda yang anda telah lindungi dengan kami. Ini bermakna jika harta benda itu hilang atau rosak, anda akan mengalami kerugian kewangan.
- Anda perlu memastikan harta benda anda dilindungi dengan amaun yang bersesuaian, termasuk mengambil kira sebarang pengubahsuaian yang dibuat. Jumlah dilindungi mesti dipantau dan disemak secara berkala bagi mewakili kos pembinaan semula atau nilai penuh harta benda tersebut. Ini bagi mengelakkan berkurangnya perlindungan dan jika tidak, penyelesaian tuntutan adalah pada Asas Purata. Anda boleh menggunakan Kalkulator Kos Bangunan <https://bcc.piam.org.my>, yang dibangunkan bersama oleh PersatuanTakaful Malaysia (MTA) dan Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM). Sila ambil perhatian bahawa kalkulator memberikan anggaran kos pembinaan semula harta benda anda untuk tujuan penilaian sahaja dan tidak menjamin jumlah sebenar yang kami mungkin bersetuju untuk menampung harta anda.
Nilai Dilindungi / Jumlah Dilindungi
Jumlah dilindungi untuk bangunan = nilai pasaran atau nilai pengembalian semula jumlah dilindungi bagi Kandungan
Item baru = harga pembelian
Item lain = nilai pasaran yang bermaksud nilai harta benda yang dilindungi ditolak peruntukan bagi penggunaan dan kelusuan dan/atau susut nilai
Klausa Asas Purata
Jika pada masa kerugian, harta benda yang dilindungi mempunyai nilai lebih tinggi daripada jumlah dilindungi, anda hendaklah menanggung jumlah kerugian secara berkadar,
- Lebihan: Jumlah kerugian yang perlu anda tanggung manakala pengendali takaful akan membayar baki kerugian atau tuntutan kerosakan.
- Tempoh Perlindungan – Tidak melebihi 12 bulan melainkan untuk diselaraskan dengan tamatnya sijil lain yang anda ambil. Anda perlu memperbaharui sijil takaful anda setiap tahun.
- Caruman:
 - Caruman mesti dibuat kepada Zurich General Takaful Malaysia Berhad dalam tempoh 60 hari dari tarikh permulaan sijil, kontrak akan terbatal secara automatik jika caruman tidak dibuat.
 - Caruman boleh dibuat dengan kad debit/kredit, pembayaran dalam talian, tunai atau cek (cek hendaklah ditulis atas nama Zurich General Takaful Malaysia Berhad Sahaja).
- Prosedur Tuntutan: Untuk maklumat lanjut, sila rujuk pautan ini <https://www.zurich.com.my/customer-hub/my-claims>.
- Adalah penting untuk anda memaklumkan kami tentang sebarang perubahan pada butiran hubungan anda bagi memastikan semua surat menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Anda boleh memaklumkan kepada kami melalui emel (CallCentre@zurich.com.my), portal pelanggan (<https://myzurichlife.com.my/>) atau hubungi kami di talian 1-300-888-622.
- Kepentingan penyimpanan resit dan Terma & Syarat Penting Yang Lain: Sila rujuk pautan ini <https://zurich.com.my/en/services/corporate/key-terms-and-conditions>.
- Pengurusan Jumlah Kecil: Jumlah kecil bermaksud sebarang jumlah kurang daripada Sepuluh Ringgit Malaysia (RM10) yang timbul dari lebihan caruman, pembatalan, perkongsian lebihan atau tuntutan yang akan dibuat selain melalui pembayaran elektronik. Jumlah kecil akan disalurkan untuk kebajikan. Bagaimanapun, jika anda membuat keputusan sebaliknya, anda perlu mengemukakan permohonan formal kepada kami. Kami mungkin akan mengkaji semula kebolehlaksanaan jumlah kecil yang dinyatakan di atas dan sebarang pertukaran kepada jumlah tersebut akan tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Syariah kami.

Nota: Senarai ini **tidak lengkap**. Anda harus merujuk kepada kontrak sijil untuk senarai penuh terma dan syarat.

Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

- Ya. Anda boleh membatalkan sijil anda dengan memberikan notis secara bertulis kepada pengendali takaful. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pemulangan balik caruman berdasarkan tempoh singkat pada tempoh takaful yang belum luput tertakluk pada caruman minimum yang akan disimpan oleh pengendali takaful. Tiada pemulangan balik caruman akan diberikan jika terdapat tuntutan di bawah sijil.

Zurich General Takaful Malaysia Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Zurich General Takaful Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Zurich General Takaful Malaysia Berhad

No. Pendaftaran 201701045981 (1260157-U)
Tingkat 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 03-2109 6000 Faks: 03-2109 6888 Pusat Panggilan: 1-300-888-622
www.zurich.com.my

